

RIZHAF ENTERPRISE (002002150-P)

# Rahsia AdSense

## Volume 1

---

Membongkar Rahsia AdSense,  
Teori dan Praktikal

**M. Norhafidz Nordin**

[www.rahsia-adsense.com](http://www.rahsia-adsense.com)

Abstrak: AdSense adalah program untuk webmasters (pengusaha-pengusaha laman web) yang dicipta oleh Google beberapa tahun yang lalu. Ia adalah salah satu program yang menguntungkan tetapi sering di ambil mudah oleh kebanyakan webmasters...

# rahsia adsense vol. 1

“Rahsia AdSense dicipta sebagai satu proses pembelajaran untuk saya, dan amat benar berharap agar anda juga boleh mempelajari sesuatu melaluinya. Rasainya, eksperimen, ambil semua ilmu yang diberi dan tukar mengikut cita rasa anda.”

## **Butir-butir ‘members area’**

Tahniah! Dengan pembelian ini, anda mendapat akses penuh kepada semua material yang terdapat dalam ‘members area’ Rahsia AdSense. Oleh itu, segera gunakan sebaik-baiknya material-material yang disediakan untuk meningkatkan pendapatan AdSense anda hari ini juga! Login akaun anda di:

<http://rahsia-adsense.com/members>

Dan dengan menggunakan butir-butir akaun dibawah:

**Username:** demo123

**Password:** demo123

\*Sekiranya berlaku sebarang kehilangan/terlupa password untuk login ke ‘members area’ Rahsia AdSense, sila hantarkan email kepada pihak kami dengan tajuk “Kehilangan Password” dan berikan kami bukti pembayaran yang anda lakukan berserta dengan akaun bank anda untuk pengesahan pihak kami, sebelum pihak kami memberikan anda password yang baru.

# Testimonial untuk *Rahsia AdSense*

*"Pertamanya saya ucapkan tahniah. Saya sangat impress dengan kualiti produk En Norhafidz. Honestly dah lama saya tak jumpa produk IM2 tempatan yang elaborate dan dibuat dengan penuh kasih sayang (much thought is put into the produk) seperti ini. Well research, well presented."*

**Sabri SaifulSham,**  
Pengasas [Ecommercemastery.com](http://Ecommercemastery.com) dan [Saudagar.com.my](http://Saudagar.com.my)

*"Apa yang dihasilkan di dalam ebook ini adalah berdasarkan pengalaman beliau sendiri dan beliau ikhlas dalam memberi tunjuk ajar agar pembaca dapat memahami dan mengikutinya untuk menjana pendapatan daripada AdSense."*

**Cikgu Murnie,**  
Pensyarah Universiti Kuala Lumpur dan Pengasas [Jutawansampah.com](http://Jutawansampah.com)

*"Ebook ini membuktikan bahawa menjana pendapatan melalui Google AdSense sememangnya mudah diuruskan sekiranya kita mempraktikannya dengan betul. Ebook ini juga sesuai untuk mereka yang baru mahu berjinak-jinak di dalam perniagaan internet."*

**Fahrizal Mokhlis,**  
Project Manager,  
Escoplus Resources Sdn. Bhd.

---

***RAHSIA  
ADSENSE***

---

*EDISI SAMPEL PERCUMA  
RAHSIA ADSENSE VOLUME 1*

*Zaiton Abd Karim – Kkuatanku,  
dalam sihatnya dan sakitnya.  
Hanis Safiyyah – Harapanku dan kegembiraanku.*

---

# *RAHSIA ADSENSE*

---

*EDISI SAMPEL PERCUMA  
RAHSIA ADSENSE VOLUME 1*

Membongkar Rahsia  
AdSense, Teori & Praktikal

**Norhafidz Nordin**



---

RIZHAF ENTERPRISE, E-PUBLISHING

# **KANDUNGAN EDISI SAMPEL PERCUMA**

<b>TESTIMONIAL UNTUK RAHSIA ADSENSE.....</b>	<b>3</b>
<b>TERJEMAHAN DALAM EBOOK RAHSIA ADSENSE.....</b>	<b>8</b>
<b>PRAKATA.....</b>	<b>9</b>
<b>PENGHARGAAN.....</b>	<b>11</b>
<b>CARA MENGGUNAKAN PAKEJ RAHSIA ADSENSE.....</b>	<b>13</b>
<b>1. PENGENALAN KEPADA GOOGLE ADSENSE.....</b>	<b>15</b>
<b>2. PERSIAPAN UNTUK AKAUN ADSENSE ANDA.....</b>	<b>19</b>
2.1    Kepentingan Google AdSense Program Policies.....	20
<b>3. MEMOHON AKAUN GOOGLE ADSENSE.....</b>	<b>22</b>
<b>4. SUDAH MEMPUNYAI AKAUN ADSENSE? LANGKAH SETERUSNYA?.....</b>	<b>26</b>
4.1    Keyword Sasaran.....	27
4.2    Keyword Density dan Pengiraan Jumlah Pengulangan Keyword.....	27
4.3    Search Engine Optimization dan Hubungkait dengan Laman Web AdSense.....	29
4.4    Bagaimana Ingin Memaparkan Iklan AdSense Dalam Laman Web.....	30
4.5    Jenis-jenis Iklan Google AdSense – Dimensi.....	31
4.6    Lokasi, lokasi dan lokasi.....	32
4.7    Memilih Keyword Sasaran yang Betul.....	32
4.7.1    AdWords – Pengenalan & Perbandingan dengan AdSense.....	33
4.7.2    Formula Kejayaan Menjana Pendapatan Melalui AdSense.....	34
4.8    Pengesahan Teori Berdasarkan Formula Matematik.....	35
<b>5. TAMAT EBOOK RAHSIA ADSENSE VOL. 1.....</b>	<b>41</b>
<b>6. TENTANG PENULIS.....</b>	<b>44</b>

# Terjemahan dalam Ebook

## *Rahsia AdSense*

Mungkin ramai yang lebih selesa sekiranya perkataan-perkataan yang familiar dengan pemasaran (*marketing*) tidak di-terjemah dalam Bahasa Malaysia. Tetapi, memandangkan buku ini saya karang dalam Bahasa Malaysia, untuk tujuan penyamarataan, beberapa perkataan Bahasa Inggeris telah diubah menjadi Bahasa Malaysia.

Namun begitu, beberapa perkataan Bahasa Inggeris dikekalkan untuk beberapa situasi kerana penulis percaya, penekanan yang lebih mantap dapat diberikan dengan tidak menukar perkataan tersebut ke dalam Bahasa Malaysia. Berikut adalah antara perkataan-perkataan yang ditukarkan ke Bahasa Malaysia:

- Search Engine – Enjin carian
- Video Marketing – Pemasaran video
- Target Keyword – Keyword sasaran
- Article Directory – Direktori artikel
- Website – Laman Web
- URL/Website Address – Alamat Laman Web
- Registered Members – Ahli berdaftar

Contoh di atas merupakan sebahagian daripada terma yang dialih bahasa. Sekiranya anda tidak memahami terma-terma yang digunakan dalam Ebook ini, anda boleh dan dinasihatkan berhubung dengan pihak penyediaan terma kami untuk penjelasan lebih komprehensif, di alamat berikut:

<http://support.rahsia-adsense.com>

Pihak Rahsia AdSense dengan sedaya upaya mencari terma-terma yang bersesuaian bagi menggantikan terma Bahasa Inggeris untuk pemahaman yang optimum dan kesesuaian pembacaan untuk semua lapisan masyarakat.

# Prakata

Pada pengakhiran proses penciptaan *Rahsia AdSense*, saya telah menghantar *sketch* ataupun lakaran awal buku ini dalam bentuk manuscript, dan meminta pertolongan sahabat saya untuk proses pemeriksaan yang terakhir. Rizal Mokhlis, sahabat yang mempunyai pemikiran yang tajam dan bernas, banyak memberikan tunjuk ajar dari segi penulisan dan memberikan banyak input pandangan-pandangan beliau terhadap buku ini. Saya amat menghargai kesemuanya, baik yang positif mahupun negatif, salah satu pandangan beliau yang berjaya lekat dalam minda saya adalah: "Google AdSense amat menguntungkan sekiranya dilakukan dengan berilmu". Dan itu merupakan antara asas utama mengapa saya menulis buku ini. Sebagai bekas jurutera automotif di sebuah syarikat swasta, saya amat menghormati dan suka mencari ilmu baru, ilmu yang boleh memberikan manfaat kepada masyarakat. Saya bersyukur kerana masyarakat Malaysia juga begitu, dan dengan membaca buku ini, anda juga merupakan salah seorang daripada mereka yang sukakan ilmu baru.

Saya juga diajar dan dididik dari zaman universiti, supaya melakukan sesuatu perkara mestilah dengan ilmu, analisa, dan banyak hubungkait perlu dirungkai untuk mendapatkan sesuatu jawapan kepada persoalan-persoalan yang terbit. Oleh sebab itu saya banyak bertanya tentang sesuatu perkara demi memastikan segala ilmu yang perlu (jika tidak banyak, sedikit) dapat difahami.

Segala pertanyaan dan persoalan yang selama ini dipendamkan tentang Google AdSense telah berjaya diterjemahkan dalam buku *Rahsia AdSense* ini. Kesemua perkara yang saya belajar berkaitan AdSense, segala-gala jawapan kepada kesulitan yang saya temui, segala kaedah yang saya gunakan untuk memastikan laman web AdSense saya menjana wang, segala teori dan praktikal – telah disusun dengan serapi yang mungkin di dalam buku ini.

Dengan rasa rendah diri, dan semangat penemuan ilmu yang tidak seberapa ini, saya mempersembahkan *Rahsia AdSense – Membongkar Rahsia AdSense, Teori dan Praktikal* kepada anda. Niat dan tujuan saya adalah untuk berkongsi sedikit ilmu yang ada ini dan pengalaman dalam bidang perniagaan internet amnya – dan khasnya Google AdSense. Saya mengakui bahawa, menulis buku ini telah banyak meningkatkan saya ke satu tahap yang lain, dari beberapa segi: saya kini melihat potensi janaan wang secara online melalui sudut yang berbeza-beza. Saya telahpun melakukan bahagian saya – berkongsi ilmu yang bermanfaat kepada anda. Saya percaya pada pengakhiran pembacaan buku ini, anda juga akan berjaya melakukan bahagian anda – berjaya menjana wang melalui Google AdSense dengan ilmu yang cukup.

***M. Norhafidz Nordin***

*Shah Alam, Selangor*

*May 2011*

*RAHSIA ADSENSE*

**Halaman ini sengaja dibiarkan kosong**

# Penghargaan

Terlalu ramai insan yang telah menyumbang ke arah penyediaan buku ini, agak sukar untuk mengetahui bagaimana ingin bermula.

Terima kasih dan syukur pertamanya harus dipanjatkan kepada ilahi, Allah s.w.t atas kurniaan masa dan pengetahuan dan akhirnya memberikan kekuatan untuk berkongsi ilmu yang tidak seberapa ini. Terima kasih saya kepada Rizal Mokhlis dan Fakhrudin Hider, COO dan CFO Rizhaf Enterprise yang mendorong dan membantu dalam penghasilan buku ini. Rakan-rakan di forum seperti di Wangcyber, Digitalpoints yang telah banyak memberikan pandangan bernas serta buah fikiran yang banyak membantu\*.

Terima kasih kepada Ahmad, rakan di Wangcyber, untuk komen dan pandangan yang telah mengubah beberapa isu berkaitan akaun AdSense – update tentang undang-undang baru, saya sangat menghargainya. Kepada Murniwati, pensyarah di Universiti Kuala Lumpur kerana meluangkan masa membaca, mengolah dan menambah-baik manuscript buku ini.

Buku ini tidak akan berjaya dicipta sekiranya tiada usaha yang dilakukan oleh rakan-rakan internet marketer sebelum ini, yang menulis dan berkongsi ilmu berkaitan Google AdSense, sama ada rakan dari dalam negara, tokoh seperti Labanon, mahupun tokoh luar negara seperti: Joel Comm. Saya amat benar meminati penulisan dua tokoh ini dan mencadangkan kepada sesiapa yang ingin mengkaji dengan lebih mendalam tentang AdSense, supaya membaca hasil-hasil tulisan mereka.

Kepada Sufi Kharuddin, project engineer di EPMB Sdn. Bhd. untuk pembabitan awal dalam memberi semangat kepada saya untuk meneruskan projek ini dan nasihat-nasihat beliau yang berharga. Kepada Zulikhram Azdan, senior engineer di EPMB Sdn. Bhd. kerana berjaya membuka kunci minda dan potensi dalam diri saya sehingga projek yang pada mulanya dirasakan sangsi, akhirnya berjaya menjadi realiti.

---

\* Segala informasi atau pandangan yang diberikan dalam buku ini adalah terus daripada penulis sendiri, dan ianya tidak sepatutnya dilihat sebagai mewakili pandangan mereka yang berada di Wangcyber dan Digitalpoint forum.

Pandangan dan nasihat beliau banyak mempengaruhi saya, dalam menceburkan kembali diri dalam bidang penulisan dan perniagaan yang ditinggalkan hampir setahun yang lalu. Terima kasih kepada beliau atas sumbangan besar ini.

Saya juga amat berbesar hati, dan berterima kasih kepada semua yang telah mengambil bahagian dalam proses memberi komen dan *feedback*; yang mana sangat membantu dan tidak kurang pentingnya dalam melengkapkan proses penciptaan Rahsia AdSense – Membongkar rahsia teori & praktikal. Kepada Khairul Bahtiar, pemilik antara blog terhebat di Malaysia, kepada Reezluc, usahawan internet yang berjaya.

Buku ini tidak akan mempunyai *content* seperti sekarang, sekiranya ianya tidak disemak dan dilakukan penambah-baikkan oleh tokoh seperti Suhaimy, Yazid Ajids dan juga Aman Johar. Saya bersyukur dan berterima kasih di atas buah fikiran dan pandangan daripada anda semua, ia berjaya menambah baik kualiti buku, seterusnya dapat dinikmati oleh semua pembaca Rahsia AdSense. Sumbangan yang anda curahkan sangat besar dan saya amat menghargainya.

Kepada Nik Hanif, terima kasih atas kemahiran editorial anda, yang berjaya meningkatkan kadar keboleh-bacaan buku ini, sekaligus membantu menyenangkan pembaca. Ianya merupakan satu penghormatan bagi saya dapat bekerja dengan anda semua, segala kekurangan dalam buku ini adalah datangnya daripada saya dan ianya bukan tanggungjawab orang lain selain saya.

Kepada Sabri SaifulSham, terima kasih di atas sumbangan berkaitan online marketing, pandangan yang matang dan wawasan yang jitu anda banyak membantu saya dalam mengolah kaedah-kaedah yang sesuai untuk pemasaran laman web AdSense, dan berjaya dikongsikan dalam buku ini untuk pembaca Rahsia AdSense. Kepada Tuan Salwani, pensyarah merangkap mentor saya di Universiti Kuala Lumpur, segala nasihat dan tunjuk ajar berkaitan, banyak membantu dan mematangkan teknik penulisan yang saya sampaikan. Juga, motivasi yang tidak pernah lekang daripada mulut beliau untuk anak didiknya dalam memastikan kejayaan, sangat benar dihargai.

Akhir sekali, kepada ibu saya Zaiton Abd Karim yang telah banyak memberikan semangat dan usaha beliau dalam memastikan saya mempunyai masa yang lapang untuk menghasilkan buku ini, khasnya pada hujung minggu. Zaiton Abd Karim adalah seorang peminat saya yang setia, pengkritik yang tegas, dan pembaca yang tekun pada setiap ayat-ayat yang telah saya cipta. Sokongan beliau dalam penghasilan buku ini adalah sangat besar dan hanya dengan sifat memahami yang ada pada beliau, buku ini dapat disiapkan sepenuhnya. Saya sesungguhnya pasti tidak akan berjaya tanpa sokongan padu daripada Zaiton Abd Karim.

# Cara Menggunakan Pakej Rahsia AdSense

Terdapat tiga perkara teras dalam pakej Rahsia AdSense yang anda perlu tahu untuk memastikan anda menggunakan pakej ini dengan betul dan optimum. Perkara-perkara tersebut adalah:

- Buku Rahsia AdSense – dalam bentuk pdf
- Tutorial Bervideo – yang disertakan dalam ruangan ‘members area’ Rahsia AdSense, juga disertakan dalam APPENDIX Z – Senarai video-video tutorial.
- Tutorial Bergambar – yang disertakan dalam ruangan ‘members area’, juga disertakan dalam buku, iaitu di APPENDIX A sehingga APPENDIX Y – Senarai tutorial bergambar.

Semasa membaca buku Rahsia AdSense, setiap contoh bergambar tidak akan diletakkan dalam bab, sebaliknya diletakkan dalam APPENDIX, iaitu laman-laman terakhir dalam buku ini. Ini untuk tujuan kelicinan penulisan dan memudahkan anda untuk merujuk sesuatu gambar berdasarkan APPENDIX yang telah ditetapkan. Justeru, anda akan diminta untuk skrol sehingga laman-laman terakhir untuk melihat contoh bergambar tersebut. Sebagai contoh, saya ambil satu petikan daripada buku ini:

*“Apabila anda sudah mempunyai laman web dan bersedia untuk memohon untuk akaun Google AdSense, (pastikan anda baca setiap peraturan yang digariskan oleh pihak Google, sekiranya anda gagal mematuhi peraturan, permohonan anda akan ditolak), ianya adalah semudah mengisi borang. **Sila rujuk Gambarajah 3.0 dalam APPENDIX B untuk screenshot borang permohonan akaun Google AdSense.**”*

Perhatikan tulisan yang berwarna merah, beberapa penerangan (yang dirasakan patut) akan diberikan tunjuk ajar bergambar bagi memberikan anda pemahaman secara visual, dan setiap gambar akan dimasukkan kedalam APPENDIX (laman-laman di akhir buku). Lokasi setiap gambar akan diberikan kepada anda seperti contoh di atas. Anda hanya perlu skrol sehingga laman-laman terakhir untuk melihat gambar-gambar tersebut atau tekan CTRL + F dan cari nombor gambarajah yang diberikan.

Manakala untuk senarai video, sila rujuk APPENDIX Z. Untuk pemahaman secara audio visual, sila rujuk **Video #1 – cara-cara menggunakan pakej Rahsia AdSense** – Login akaun anda di <http://rahsia-adsense.com/members/wp-login.php>

*RAHSIA ADSENSE*

**Halaman ini sengaja dibiarkan kosong**

# 1

---

## Pengenalan Kepada Google AdSense

*Risk comes from not knowing what you are doing.*

*Warren Buffet <sup>[1]</sup>*

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, telah terbit banyak perbincangan dan informasi berkaitan dengan *Google AdSense* oleh ramai pengguna Internet seluruh dunia, pengguna dari Malaysia juga tidak terkecuali membincangkan perkara ini.

Seiring dengan itu, penerbitan buku-buku dan artikel-artikel berkaitan dengan *Google AdSense* juga bagaikan cendawan tumbuh selepas hujan. Penekanan yang sama dibuat dalam setiap buku dan artikel yang diterbitkan, iaitu *Google AdSense* merupakan salah satu program penjana wang secara online yang amat **menguntungkan**. Walaubagaimanapun, ia sering disalah-tafsir oleh kebanyakan mereka yang ingin menjana pendapatan secara online, sama ada yang masih baru atau pun sudah lama berada dalam industri ini. Ramai yang menganggap program ini sebagai skim cepat kaya, tidak kurang juga ada yang menganggap ianya pelaburan internet haram. Ada juga yang menceburkan diri dalam AdSense setengah jalan, kerana kecewa masa yang diambil untuk menjana wang dengan AdSense terlalu lama – akibat penggunaan kaedah yang tidak betul. Salah tafsir dan kekurangan ini yang akan cuba pihak Rahsia AdSense betulkan dan segala informasi yang tepat akan cuba disampaikan sebaik mungkin dalam buku ini.

Sebagai permulaan, mari kita lihat apakah yang dimaksudkan dengan program *Google AdSense* dan apa itu *Google AdSense* yang sebenarnya. *Google AdSense* merupakan satu program jana wang yang berbentuk pengiklanan, dicipta khas untuk *webmasters* yang telah dilancarkan oleh *Google* beberapa tahun yang lalu.

Serba ringkas: *Webmasters* (orang yang mengendalikan/memiliki sesuatu laman web) perlu memohon/mendaftarkan diri dengan pihak *Google* untuk mengikuti program ini, selepas permohonan mereka diterima oleh *Google*, satu bentuk kod javascript akan

## BAB 1 – Rahsia AdSense

diminta diletakkan dalam laman web mereka. *Google* kemudian akan mula mempamerkan iklan dalam laman web *webmasters*, tajuk iklan-iklan yang akan dipaparkan adalah berdasarkan perkataan-perkataan (*keywords*) yang terdapat dalam dalam laman web tersebut, kerana itu ianya dikenali dengan nama Google AdSense (singkatan kepada Ads that make sense – Iklan yang masuk akal)

ie: Sekiranya laman web anda berkaitan dengan basikal, iklan Google AdSense yang akan dipaparkan adalah berkaitan dengan basikal. Apabila pengunjung website klik pada iklan tersebut, *Google* akan membayar sejumlah wang kepada *webmasters* – kebiasaannya beberapa sen bagi satu klik (bergantung kepada harga yang dibayar oleh pengiklan kepada Google – atau dikenali sebagai CPC, Cost Per Klik). Oleh itu, apabila sesuatu website itu mempunyai banyak pengunjung, dan *webmasters* tahu perkataan mana yang boleh menjana jumlah wang yang tinggi bagi satu klik, banyak wang bakal dijana! Dan rahsia inilah yang akan dibongkar oleh **Rahsia AdSense**.

Bunyinya seperti mudah, tetapi pada hakikatnya ia bukanlah semudah yang disangka. Pertama-tamanya, anda perlu mempunyai sekurang-kurangnya sebuah laman web, laman web tersebut kemudian perlu dinilai oleh pihak *Google* – mereka mempunyai beberapa kriteria atau *standard* yang telah ditetapkan (akan dibincangkan lebih lanjut kemudian), jika berjaya melepasi setiap *standard* yang ditetapkan, anda akan diberikan satu akaun Google AdSense.

Melalui akaun inilah anda akan menjana wang AdSense anda! Berita baiknya adalah, jika akaun anda dipersetujui oleh pihak *Google*, anda boleh menggunakan akaun anda untuk seberapa banyak website yang anda inginkan (memaparkan iklan Google AdSense dalam website yang lain) – tidak perlu daftar akaun lain, selagi website itu mengikuti kesemua syarat-syarat yang telah ditetapkan pihak *Google*.

Memandangkan iklan yang akan dipaparkan nanti akan bergantung kepada perkataan-perkataan yang ada dalam laman web anda, maka anda harus tahu, perkataan-perkataan (*keywords*) mana yang ingin disasarkan – ianya haruslah perkataan yang boleh memaparkan iklan yang akan menjana wang yang banyak bagi satu klik, dan anda juga harus tahu bagaimana untuk menulis *content* bagi membolehkan iklan-iklan yang bakal menjana wang paling tinggi, muncul dalam laman web anda. Kajian dan analisa berkaitan keyword sasaran ini harus dilakukan sebelum permohonan anda diterima oleh pihak Google. Apabila permohonan anda sudah diterima, anda harus belajar bagaimana untuk mendapatkan pengunjung (pengunjung sesebuah laman web, pada kebiasaannya lebih dikenali sebagai *traffic*) yang banyak ke website anda.

## BAB 1 – Rahsia AdSense

Tanpa pengunjung, anda tidak langsung akan mendapat klik, dan tanpa klik anda tidak langsung akan menjana wang! Secara realitinya, untuk mendapatkan pengunjung yang tidak sabar-sabar untuk klik iklan-iklan di laman web anda adalah bahagian yang paling sukar bagi mereka yang menceburkan diri dalam bidang *AdSense*.

Tiada rahsia besar dalam hal ini, ia hanyalah faktor penggunaan beberapa teknik asas, promosi laman web yang terbukti berkesan serta disiplin yang tinggi, kerana setiap teknik asas ini perlu diulang-ulang hampir setiap hari.

Anda mungkin pernah mendengar daripada “pakar AdSense” yang kononnya penjana wang menerusi AdSense sudah tidak relevan dan sudah tepu. Jika anda tidak pernah mendengar stigma ini, lambat laun saya percaya ianya bakal diberitahu oleh kebanyakan mereka yang pernah gagal dalam *AdSense*.

Tetapi ianya secara total adalah salah, dan ketika buku ini ditulis, terdapat ramai malahan ribuan orang seperti anda menjana pendapatan pasif dan aktif menerusi *Google AdSense*.

### **Video #2 - Contoh Iklan Google AdSense**

Untuk pemahaman dengan lebih mendalam tentang iklan *Google AdSense* dan contoh secara visual, sila rujuk video #2 – yang bertajuk Contoh Iklan *Google AdSense*. Durasi video: 01:02 minit. Login akaun anda di ruangan VIP untuk melihat video ini: <http://rahsia-adsense.com/members/wp-login.php>

---

#### **KESIMPULAN BAB 1:**

- 1) Google AdSense bukan skim cepat kaya, skim piramid, MLM yang salah, sistem yang menekan anda, atau apa-apa sahaja skim yang menjanjikan kata-kata manis, sebaliknya ianya adalah satu program yang dicipta oleh Google untuk sistem pengiklanan mereka. Program ini memberi faedah kepada pemilik laman web dengan memberikan mereka sejumlah wang sekiranya iklan yang dipaparkan dalam laman web mereka mendapat klik dari pengunjung. Rujuk **gambarajah 1.0** dalam **Appendix A** untuk penerangan secara visual.
- 2) Iklan Google AdSense yang dipaparkan dalam laman web adalah mengikut konteks, iaitu tajuk iklan-iklan yang dipaparkan adalah berdasarkan kandungan sesuatu laman web. Rujuk **gambarajah 1.1** dalam **Appendix A** untuk penerangan dan contoh secara visual.

## BAB 1 – Rahsia AdSense

- 3) Oleh kerana Iklan Google AdSense dipaparkan mengikut kandungan sesuatu laman web, kebanyakan pengusaha laman web menetapkan matlamat untuk menasarkannya kepada sesuatu tajuk atau tema (lebih dikenali dan popular dengan nama *keyword*) untuk laman web mereka supaya iklan yang dipaparkan mengikut *keyword* yang disasarkan. Rujuk **gambarajah 1.2** dalam **Appendix A** untuk penerangan dan contoh secara visual.
- 4) Ini bertujuan untuk mendapatkan keuntungan yang maksimum bagi sesuatu klik. Kerana, anda akan dibayar oleh pihak Google menerusi klik. Walaupun tiada siapa yang tahu berapa peratusan yang akan diberi oleh Google untuk satu klik, tetapi yang pasti, setiap *keyword* mempunyai harga yang berbeza-beza.
- 5) Pengunjung merupakan aspek penting untuk berjaya dalam AdSense, selain dari aspek membina laman web yang mesra pengguna. Tanpa pengunjung, adalah sukar untuk anda mendapatkan klik. Tanpa klik, anda tidak akan menjana wang dengan program Google AdSense. Rujuk **gambarajah 1.3** dalam **Appendix A** untuk penerangan dan contoh secara visual.

---

TAMAT BAB 1, TAHNIA!  
TERUSKAN KE BAB SETERUSNYA..

# 2

---

## Persiapan Untuk Akaun AdSense Anda

*One of the greatest tragedies of life is the murder of beautiful theory by a gang of brutal facts.*

*Benjamin Franklin<sup>[2]</sup>*

Bahagian yang paling sukar dalam *AdSense* adalah untuk memastikan permohonan anda diterima oleh pihak *Google*. Malah, bagi sesetengah kes, ianya lebih mudah mendapatkan pinjaman bank berjumlah RM100,000.00 daripada mendapatkan akaun percuma *Google AdSense*. Perkara paling penting sebelum memohon adalah, anda perlu benar-benar bersedia! – dari segi teknikal (penyediaan laman web yang mantap) dan pengetahuan teori (undang-undang *Google AdSense*).

Anda tidak boleh menggunakan *Google AdSense* sekiranya anda tidak mempunyai akaun yang dipersetujui oleh *Google*. Ini bermakna, anda harus bersedia untuk mendapatkan akaun. Perkara yang pertama yang harus anda lakukan sebagai persediaan adalah membaca syarat-syarat *Google* atau *Google Terms of Services (TOS)*. Ianya merupakan garis panduan, peraturan atau undang-undang yang dicipta oleh pihak *Google*, untuk kegunaan anda sebelum dan selepas mempunyai akaun *Google AdSense*.

Pada setiap masa, anda harus memastikan laman web anda tidak melanggar peraturan yang ditetapkan ini. Jika laman web anda tidak mengikuti garis panduan yang telah ditetapkan oleh pihak *Google*, permohonan anda akan ditolak.

Walaupun selepas anda berjaya mendapatkan akaun *Google AdSense*, jika anda tidak mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan dalam *Google TOS*, akaun anda akan dibuang, malahan anda juga berkemungkinan di halang terus dari menyertai program *Google AdSense* pada masa akan datang.

## 2.1 Kepentingan Google AdSense Program Policies.

Secara spesifik, apa yang anda perlu tahu adalah polisi Google, yang boleh diakses di <http://www.google.com/adsense> skrol sehingga paling bawah, dan klik pada link **Program Policies**. Perkara pertama yang akan ditegaskan oleh Google adalah, mereka tidak akan menerima permohonan daripada *webmaster* yang mempunyai laman web yang tidak lengkap. Ini bermaksud, sebelum memohon, anda perlu pastikan bahawa laman web anda sudah lengkap sepenuhnya.

Setiap laman (*pages*) yang ada mestilah lengkap dan setiap *links* haruslah berfungsi. Pastikan juga setiap *image* yang digunakan keluar dalam laman web anda, ini kerana, walau *image* yang tidak keluar dalam laman web anda juga boleh menyebabkan permohonan anda tidak akan diterima. *Google* amat mementingkan kualiti, mereka juga mempunyai beberapa panduan kualiti yang harus dipatuhi oleh *webmasters* untuk program *Google AdSense*.

Panduan-panduan ini, bersama dengan polisi-polisi program, akan memberitahu anda secara terperinci tentang apa yang patut dan tidak patut ada dalam laman web anda semasa memaparkan iklan-iklan *AdSense*, mereka juga ada memberikan tips-tips bagaimana untuk memenuhi syarat-syarat minimum untuk diterima dalam program *Google AdSense*. Untuk lanjutan, anda boleh mengakses panduan-panduan ini di <http://www.google.com/webmasters/guidelines.html>.

Satu kesalahan yang biasa dilakukan oleh bakal pengusaha laman *AdSense* adalah, mereka tidak membaca *TOS*, polisi-polisi program, dan panduan *webmasters*. Pihak *Google* telah menjelaskan secara terperinci tentang peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi semasa mengikuti program *AdSense*. Mereka juga begitu serius tentang peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Kebiasaannya, ramai yang membaca peraturan, berusaha keras membina laman web, tetapi pada pengakhirannya, permohonan mereka akan hanya ditolak dan tidak dipersetujui oleh *Google* kerana alasannya – tidak mematuhi peraturan yang telah ditetapkan. Banyak masa dibazirkan sekiranya situasi ini berlaku. Pastikan anda membaca semua peraturan, untuk mengelakkan masa anda dibazirkan! Sila rujuk **Gambarajah 2.0** dalam **APPENDIX B** untuk snapshot laman web Google AdSense Policy.

### **Video #3 - Laman Web Google Policy**

Untuk pemahaman dengan lebih mendalam tentang dimana lokasi laman web Google Policy, sila rujuk video #3 – yang bertajuk Google Policies. Login akaun anda di ruangan VIP untuk melihat video ini: <http://rahsia-adsense.com/members/wp-login.php>

---

**KESIMPULAN BAB 2:**

1. Anda perlu dan **MESTI** membaca, juga fahami setiap undang-undang dan peraturan-peraturan dalam Google TOS dan polisi program, sebelum memohon untuk mendapatkan akaun Google AdSense. Ini bagi memastikan anda tidak melanggar arahan pihak Google, yang pada pengakhirannya, jika dilakukan juga larangan ini, dikhuatiri akan menyebabkan permohonan anda akan ditolak. Rujuk **gambarah 2.0** dalam **Appendix B** untuk melihat contoh dimana pautan polisi Google AdSense.
2. Pastikan anda mempunyai laman web sebelum memohon akaun Google AdSense. Laman web ini haruslah lengkap, dari segi struktur links (pautan) antara laman web, mahupun pautan ke laman web luar. Gambar-gambar yang terdapat dalam laman web juga pastikan semuanya dapat dilihat, sekiranya laman web anda tidak lengkap, anda akan menanggung risiko permohonan ditolak.
3. Baca setiap undang-undang, syarat dan peraturan berkali-kali, dan lawati laman web undang-undang mereka pada setiap masa untuk mengetahui status terkini tentang polisi yang mereka gunakan, bagi mengelakkan anda melakukan kesalahan-kesalahan yang boleh menyebabkan akaun anda dihapuskan.

---

TAMAT BAB 2, TAHNIAH!  
TERUSKAN KE BAB SETERUSNYA..

# 3

---

## Memohon Akaun Google AdSense

*I don't want you to think we have any way of learning or behaving so you won't make a lot of mistakes. I'm just saying that you can learn to make fewer mistakes than other people—and how to fix your mistakes faster when you do make them. But there's no way that you can live an adequate life without many mistakes.*

*Charlie Munger<sup>[3]</sup>*

Apabila anda sudah mempunyai laman web dan bersedia untuk membuat permohonan mendapatkan akaun *Google AdSense*, (pastikan anda baca setiap peraturan yang digariskan oleh pihak *Google*, sekiranya anda gagal mematuhi peraturan, permohonan anda berkemungkinan bakal ditolak), ianya adalah semudah mengisi borang. Sila rujuk **gambarajah 3.0** dalam **Appendix C** untuk *screenshot* borang permohonan akaun *Google AdSense*.

Tetapi ada beberapa aspek dalam borang tersebut yang boleh menimbulkan kekeliruan jika tidak diteliti secara mendalam. Dalam bab ini, Rahsia AdSense akan menjelaskan tentang cara-cara mengisi borang, dengan harapan, langkah-langkah yang ditegaskan dalam bab ini akan membuatkan *Google* menerima permohonan anda tanpa sebarang masalah. Anda boleh lihat borang yang digunakan untuk mendaftar akaun *Google AdSense* di: <http://www.google.com/adsense/g-app-single-1>.

Jika diteliti pada borang tersebut, perkara pertama yang diminta adalah alamat laman web anda, atau lebih dikenali sebagai URL. Harus diambil perhatian, walaupun anda mempunyai banyak laman web, *Google* hanya mahu melihat satu sahaja alamat laman web anda. Jadi, pastikan laman web yang anda hantar untuk permohonan ini adalah yang terbaik dan mematuhi semua peraturan. Masukkan laman web atau URL anda seperti contoh ini: [www.laman-web-anda.com](http://www.laman-web-anda.com). Anda tidak perlu untuk memasukkan <http://> sebagai sebahagian daripada URL anda.

## BAB 2 – Rahsia AdSense

Perkara lain yang perlu dielakkan adalah, jangan masukkan alamat *subpages* anda seperti contoh ini: [www.laman-web-anda.com/contoh.html](http://www.laman-web-anda.com/contoh.html). *Google* hanya mahu melihat laman utama anda, laman yang utama yang memaparkan muka hadapan laman web, atau *top level domain* sahaja. Seterusnya,

*Google* mahu mengetahui tentang bahasa yang digunakan dalam laman web anda. Jika laman web anda menggunakan pelbagai bahasa, mereka hanya mahu mengetahui tentang bahasa utama yang digunakan dalam laman web anda – iaitu bahasa yang anda gunakan untuk menulis dalam setiap *pages/posts*, sebagai contoh Bahasa Inggeris.

Soalan seterusnya adalah soalan yang menyebabkan ramai keliru, *Google* mahu mengetahui tentang status permohonan akaun anda, sama ada ianya untuk bisnes atau perseorangan (*business account or individual account*). Tips untuk soalan ini adalah: jika anda tidak mempunyai bangunan ofis ataupun bisnes (yang mempunyai 20 pekerja atau lebih), anda jatuh dalam kategori akaun perseorangan (*individual account*).

Soalan seterusnya yang perlu anda isi adalah berkenaan nama dan negara tempat anda tinggal. Ia akan ditanya secara terperinci oleh pihak *Google*, termasuk nombor rumah, nama jalan, poskod dsb. kerana ianya akan digunakan oleh *Google* untuk menghantar cek (medium pembayaran yang digunapakai oleh *Google* adalah menerusi cek – pastikan nama dan alamat diisi dengan betul).

Selepas nama dan alamat, *Google* ingin tahu berkenaan dengan nombor telefon anda, mereka mungkin tidak akan menelefon anda, tetapi ada kes yang mengatakan bahawa *Google* benar-benar menelefon mereka – untuk tujuan pengesahan, pertanyaan soalan atau jika terdapat masalah berkenaan akaun.

Berikan nombor telefon yang betul supaya senang mereka menghubungi anda, jika mereka mahu. Anda tidak perlu memberikan nombor fax kepada mereka, cukup sekadar nombor telefon. Disini, anda juga boleh memilih untuk menerima *Google newsletter* (update-update terbaru dari *Google* berkenaan AdSense) atau tidak.

Jika anda memilih tidak, ia tidak akan menjejaskan atau mempengaruhi status permohonan anda. Jadi, jangan takut untuk memilih tidak jika anda tidak mahu menerima apa-apa info terbaru dari *Google*.

### BAB 3 – Rahsia AdSense

Selepas itu, terdapat 5 checkbox\* (setakat buku ini ditulis, jumlah mungkin akan berubah mengikut keadaan semasa), kesemuanya perlu diisi sebelum anda menghantar borang permohonan. Dengan mengisi kesemua checkbox ini, anda bersetuju untuk:

- (i) tidak klik iklan di laman web anda sendiri.
- (ii) bersetuju untuk tidak memberi insentif kepada pengunjung untuk klik iklan dalam laman web anda.
- (iii) anda juga bersetuju bahawa anda boleh menerima cek yang akan dihantar kepada anda (melalui alamat yang diberi).
- (iv) anda bersetuju bahawa anda tidak akan meletakkan iklan AdSense dalam laman web pornography.
- (v) dan anda juga bersetuju bahawa anda telah membaca kesemua polisi-polisi yang telah ditetapkan oleh Google.

---

\* Informasi yang diberikan di atas ini adalah tepat pada 26<sup>th</sup> May 2011, oleh sebab polisi dan peraturan Google berubah mengikut masa dan kadang-kadang berubah begitu pantas, penulis mencadangkan supaya anda mengisi borang berlandaskan undang-undang yang ditegaskan dalam program polisi.

Langkah terakhir, pastikan semua tempat kosong sudah diisi dan kemudian hantar permohonan, tunggu sehingga Google update status permohonan anda. Harus diingat, laman web anda akan diperiksa oleh staff Google secara manual, bukan secara automatik, dan pada kebiasaan, ianya mungkin mengambil masa sehingga 3 hari bekerja (72 jam).

Anda akan dihubungi oleh wakil Google, kebiasaannya menerusi email. Kadang-kadang, anda akan ditanya dalam borang permohonan berkenaan dengan "*Product Selection*" – Apakah yang dimaksudkan dengan Product Selection? Perkara ini kebiasaannya ditanya secara rawak oleh Google, sekiranya ianya ditanya kepada anda, pilih keduanya: AdSense for content dan AdSense for search.

Ini bermaksud anda boleh menggunakan kedua-dua jenis iklan AdSense ini dalam laman web, tetapi tidak semestinya wajib meletakkan kedua-duanya sekaligus. Anda boleh meletakkan iklan *Google AdSense* (AdSense for content) dalam laman web anda, dalam masa yang sama, anda juga boleh meletakkan kotak carian (search box – AdSense for search) dalam laman web anda.

Apabila pengunjung menggunakan kotak carian tersebut, dan klik pada keputusan carian, anda akan dibayar untuk setiap klik tersebut. Contoh laman web yang menggunakan kedua-dua pilihan AdSense for content dan AdSense for search adalah <http://autooh.blogspot.com>.

## BAB 3 – Rahsia AdSense

Sila rujuk **gambarajah 3.1** dalam **Appendix C** untuk *screenshot* laman yang menggunakan kedua-dua, AdSense for content dan AdSense for search.

**Perhatian:** Bab-bab seterusnya membincangkan perkara-perkara yang perlu anda lakukan selepas permohonan anda diterima, juga langkah-langkah dalam bab seterusnya ini boleh digunakan sekiranya anda sudahpun mempunyai akaun Google AdSense yang sah. Sekiranya anda masih tidak mempunyai akaun Google AdSense, beberapa perkara mungkin sukar untuk difahami kerana contoh-contoh yang diambil adalah terus daripada akaun Google AdSense.

Walaupun, penulis menasihatkan anda supaya membaca dahulu dan tidak perlu menunggu akaun Google AdSense, untuk pemahaman awal, kerana penulis akan sedaya upaya memberikan contoh yang terbaik untuk anda melalui gambar-gambar dan video-video yang telah disediakan untuk anda.

### **Video #4 - Cara-cara Mengisi Borang Permohonan *Google AdSense***

Untuk pemahaman dengan lebih mendalam tentang cara-cara mengisi borang permohonan Google AdSense, sila rujuk video #4 – yang bertajuk cara-cara mengisi borang permohonan *Google AdSense*. Durasi video: 02:12 minit. Login akaun anda di ruangan VIP untuk melihat video ini:

<http://rahsia-adsense.com/members/wp-login.php>

---

#### **KESIMPULAN BAB 3:**

1. Membincangkan bagaimana cara-cara yang betul mengisi borang permohonan akaun Google AdSense. Cara-cara yang diberikan dalam bab ini diharap dapat mempercepatkan proses permohonan dan meminimumkan kesalahan-kesalahan yang biasa dilakukan oleh kebanyakan bakal-bakal pengusaha AdSense.

---

TAMAT BAB 3, TAHNIAH!  
TERUSKAN KE BAB SETERUSNYA..

# 4

---

## Sudah Mempunyai Akaun AdSense – Langkah Seterusnya?

*Thomas J. Watson Sr. of IBM followed the same rule: "I'm no genius," he said. "I'm smart in spots—but I stay around those spots."*

*Warren Buffett<sup>[4]</sup>*

Tahniah diucapkan! Anda sudah berada satu langkah untuk menjana wang melalui program ini.

Memandangkan anda sudah diterima dalam program Google AdSense, penulis percaya anda juga sudah mempunyai topik yang sesuai untuk laman web anda (pemilihan topik yang sesuai amat penting, ia menentukan berapa banyak wang yang boleh anda jana – kerana setiap topik menentukan iklan yang bagaimana akan dipaparkan dalam laman web anda, setiap iklan berlainan wang yang boleh anda jana).

Seperti yang dibincangkan dalam bab pertama sebentar tadi secara ringkas, dan selepas melihat video yang disediakan, Google akan memaparkan iklan dalam laman web anda mengikut content yang ada dalam laman web anda.

Sebagai contoh, sekiranya laman web anda banyak membincangkan dan berkaitan dengan kereta, maka iklan-iklan kereta akan muncul dalam laman web anda. Setiap topik mempunyai kadar CPC – Cost per click (nilai wang yang diberikan kepada anda untuk satu klik) yang berbeza-beza.

Jadi, penting untuk anda menganalisa dan mengkaji topik mana yang akan memberikan pulangan yang lumayan (kaedah kajian topic/keyword sasaran yang tinggi CPCnya akan dibincangkan dengan lebih lanjut kemudian). Penulis juga percaya anda sudah cukup bersedia untuk membina laman web AdSense yang pertama. Mari bermula!

#### 4.1 Keyword Sasaran.

